

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
28 NOVEMBER 2013**

---

**1. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL PERTAMA 2014  
DAN PROMISI BAYARAN CUKAI PINTU 2014**

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa bil cukai taksiran untuk **Penggal Pertama 2014** telah mula diterima oleh semua pemilik premis di Seberang Perai mulai **15 November 2013** yang lalu dan pembayaran perlu dibuat sebelum **28 Februari 2014**. Bil cukai taksiran tersebut juga boleh disemak di Kaunter Bayaran MPSP atau di laman web MPSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my).

Sehubungan dengan itu, saya dengan ini menyeru kepada semua warga Seberang Perai untuk membayar cukai taksiran awal bersempena dengan **Promosi Bayaran Cukai Pintu 2014** yang telah bermula mulai **15 November 2013** dan akan berakhir pada **31 Disember 2013**.

Warga Seberang Perai yang membayar **keseluruhan cukai setahun 2014 beserta tunggakan (jika ada)** mulai 15 November

2013 hingga 31 Disember 2013 akan diberi kupon jam letak kereta percuma sebagai cenderamata serta **layak** menyertai cabutan bertuah.

**Untuk promosi kali ini, bagi setiap akaun yang telah dibayar dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan, pemilik akan menerima 2 buku kupon jam letak kereta secara percuma.** Stok cenderamata adalah **terhad**. Cenderamata ini boleh dituntut di semua kaunter bayaran MPSP dengan mengemukakan bukti pembayaran. Pembayaran cukai taksiran boleh dibuat di semua kaunter MPSP, laman web dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468** atau e-mail di [waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my).

## **2. PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN**

Sukacita dimaklumkan bahawa MPSP sedang menjalankan program pemutihan kilang tanpa kebenaran bermula 1 November 2013 sehingga 1 April 2014. Sebanyak 57 buah kilang terlibat pada peringkat permulaan. Kilang-kilang yang akan diputihkan adalah berdasarkan kilang ini terletak di dalam zon industri dan telah beroperasi sebelum tahun 2012. Pemilik kilang ini dikehendaki mengemukakan Pelan Kebenaran merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kerja Tanah dan Parit dalam tempoh yang ditetapkan. Pihak MPSP akan menghubungi pihak kilang yang terlibat berhubung proses pemutihan ini melalui surat. Saya berharap semua industry yang mendapat surat dari Majlis mengambil keputusan untuk penyelarasan semula (regularise) bangunan kilang masing-masing.

## **3. OPERASI BILLBOARD HARAM**

Operasi “Perang Billboard Haram” bermula 30 September 2013 dan berakhir pada 18 November 2013. Berikut adalah ringkasan tindakan terhadap keseluruhan senarai terlibat:

Jumlah Keseluruhan	70
Diruntuhkan MPSP	44
Diruntuhkan sendiri	25
Baki	1

Terdapat beberapa billboard dinaikkan semula setelah tindakan meruntuh dijalankan, berikut adalah ringkasan tindakan terhadap billboard yang dinaikkan semula:

Didirikan semula	17
Diruntuhkan semula oleh pemunya	8
Diruntuhkan semula oleh MPSP	9
Baki	0

Saya ingin menegaskan kepada semua pemilik billboard supaya mengemukakan permohonan kepada MPSP untuk dipertimbangkan. Jika tiada permohonan dikemukakan, langkah seterusnya adalah membawa pemilik billboard haram ini ke mahkamah melalui Seksyen 70, Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974. MPSP telah menulis surat pada 25 Oktober 2013 kepada semua pemilik billboard yang tegar yang mendirikan semula billboard di tempat yang sama selepas MPSP merobohkan billboard mereka dan MPSP telah menghantar salinan surat ini kepada KPKT.

#### **4. PENGHARGAAN PROJEK INISIATIF HIJAU SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2012**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima Anugerah Peringkat Pertama atas Inisiatif Kejiranan Hijau melalui penyediaan Kebun Kejiranan (*Community Farming*) sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2013 bertemakan "Ke Arah Bandar Sejahtera Masa Depan (*Toward Sustainable Future Cities*)". Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima sijil penghargaan yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT pada 12 November 2013 (Selasa) bertempat di Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur.

#### **5. MPSP TELAH MENJADI AHLI PANEL CITYNET**

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah disenaraikan sebagai Ahli dalam CITYNET (The Regional Network of Local Authorities for the Management of Human Settlements) , satu Pertubuhan Badan Antarabangsa pada tahun 2013. Saya telah menghadiri "2013 CITYNET Seoul Congress" pada 3 hingga 6 November 2013 di Seoul, Korea Selatan, di mana ini merupakan

penyertaan MPSP yang pertama ke persidangan tersebut. Artikel dari Seberang Perai telah menarik minat penganjur dan dipilih oleh pihak CITYNET untuk dimuat naik ke dalam sebuah Majalah Antarabangsa CITYNET iaitu "CITYVOICES". Tuan/puan boleh melayari artikel tersebut yang juga telah dimuat naik ke dalam laman web MPSP di dalam bahagian pengumuman.

## **6. PEGAWAI BARU BERJAWATAN TETAP KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Sukacita dimaklumkan, bahawa terdapat dua orang pegawai Pengurusan & Profesional yang baru menyertai MPSP yang akan bersama-sama memantapkan lagi pentadbiran Majlis. Berikut, saya perkenalkan pegawai tersebut, iaitu ;

i. Pegawai Perancang Bandar Dan Desa gred J48 iaitu Encik Ismail bin Abd Manaf yang telah dilantik pada 1 November 2013 dan ditugaskan di Bahagian OSC, sebagai Ketua Unit OSC.

ii. Puan Rismawati binti Ahmad, Pegawai Penilaian gred W44 telah dilantik pada 1 September 2013 dan bertugas sebagai Pengarah Pesuruhjaya Bangunan (COB) menggantikan Encik Valzahmer

Erdino Mohd Tahir yang telah ditukarkan ke Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Seberang Perai.

## **7. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Untuk mewujudkan warga Seberang Perai yang lebih sihat Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku pada hari Ahad 1 Disember 2013. Manakala Program **Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan lebih awal dari jadual biasa iaitu pada 8 Disember 2013 (Ahad)** dan Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 16 Disember 2013 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**